

Wataniah Sebagai Pemangkin Penguasaan *Soft Skills* di Kalangan Siswa Siswi KUKTEM

Imaduddin Hj Abidin, Haslinda Hj Hashim & Jamal Rizal Razali
Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan
Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)
Karung Berkunci 12,
25000 Kuantan, Pahang
imaduddin@kuktem.edu.my, haslinda@kuktem.edu.my, jamalrizal@kuktem.edu.my

Abstrak: KUKTEM dan *Soft Skills* adalah sinonim. Sebagai sebuah universiti yang mengutamakan *Soft Skills*, semua pihak bertanggungjawab untuk membantu para pelajar agar dapat menguasai elemen-elemen *Soft Skills*. Elemen yang membentuk *Soft Skills* di KUKTEM adalah komunikasi (communication), kepimpinan (leadership), kerja berkumpulan (team working), keupayaan belajar (learning capability), dan nilai-nilai murni (positive values). KUKTEM percaya bahawa pelajar yang hebat di dalam hands-on skills akan bertambah cemerlang dan laris dalam pekerjaan jika pelajar tersebut menguasai *Soft Skills*. Sehubungan dengan itu, Pasukan Wataniah yang ditubuhkan di KUKTEM pada tahun ini adalah merupakan satu lagi usaha KUKTEM bagi menerapkan semua elemen *Soft Skills* di kalangan anggota wataniah KUKTEM yang juga merupakan pelajar-pelajar KUKTEM. Melalui kegiatan seperti latihan kawad kaki dan senjata, latihan penggunaan pelbagai senjata, merempuh halangan, latihan peperangan terbuka dan insurgensi serta aktiviti sukan antara platoon, batalion mahupun rejimen, ianya adalah diharapkan dapat memupuk kesemua elemen *Soft Skills* di kalangan anggota. Kertas ini akan membincangkan dengan lebih lanjut bagaimana proses penerapan ini boleh berlaku dan sekaligus membantu KUKTEM di dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja mahir dari segi teknikal mahupun akademik, malah mempunyai kemahiran *Soft Skills*.

Katakunci: Wataniah, *Soft Skills*.

1. PENDAHULUAN

Adalah tidak tepat kecemerlangan pendidikan hanya terfokus kepada keputusan peperiksaan semata-mata. Pembentukan watak dan sahsiah pelajar kurang diberi perhatian. Justeru, perilaku pelajar dan disiplin mereka meleset. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar hendaklah dilatih supaya mempunyai sifat bertanggungjawab dengan disiplin yang tinggi. Program-program yang melibatkan pelajar perlu diperhebatkan dan dimantapkan dari masa kesemasa supaya keperluan dan masalah semasa dapat ditangani secara berkesan. Saya percaya program pasukan berpakaian seragam yang akan kita lancarkan sebentar lagi mampu untuk merubah situasi tersebut.

(Titah Ucapan DYMM Tuanku Raja Perlis Di Majlis Pelancaran PALAPES, PBSMM dan PBK KUKUM, 3 Mac 2005)

Malaysia sebagai sebuah negara yang sangat menitik beratkan ilmu pengetahuan melihat para siswa dan siswi sebagai satu pelaburan yang cukup besar kepada kemajuan negara. Oleh itu, setiap universiti memainkan peranan yang penting untuk menjalankan program bagi menampung kehendak negara untuk melahirkan cendekiawan yang mempunyai pelbagai kemahiran bersesuaian dengan kehendak pasaran kerja. Dalam erti kata lain, universiti harus menyediakan kemudahan samada pengisian ilmu dari segi intelek, emosi, rohani, jasmani mahupun dari segi kemudahan infrastruktur. Namun adakah segala kemudahan ini disokong oleh sistem yang dapat memenuhi kehendak-kehendak terkini samada dari pasaran kerja secara nasional mahupun secara global? Apakah cara terbaik untuk kita membina graduan minda kelas pertama yang sering diperkatakan oleh banyak pihak? Dan apakah segala peningkatan ini berjaya membuka mata masyarakat terhadap tahap intelektual dan kewibawaan graduan kita?

Persoalan membangunkan modal insan haruslah dikait rapat dengan pelaksanaan program *Soft Skills* yang tidak kurang pentingnya bagi membina pelajar yang mempunyai kemahiran berkomunikasi, dapat menjadi pemimpin yang baik, dapat bekerjasama dengan baik, menunjukkan peningkatan cemerlang di dalam proses pembelajaran dan juga memiliki nilai-nilai yang positif di dalam diri secara intrinsik. Kemahiran-kemahiran ini dilihat sebagai *complement* atau pelengkap kepada kemahiran teknikal dan

limpahan ilmu pengetahuan yang akan pelajar terima apabila mereka memasuki menara gading. Seperti juga mana-mana universiti, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) juga telah menyusun strategi bagi memperkenalkan program *Soft Skills* yang dijalankan bermula pengajian pelajar bermula dari semester satu hinggalah ke semester akhir. KUKTEM merupakan antara penjana kepada pembangunan modal insan bersempena menyahut seruan Perdana Menteri di dalam Rancangan Malaysia Ke 9. Program *Soft Skills* telah bermula sejak empat tahun yang lepas di mana hasil dari seminar industri-KUKTEM telah membuahkan pelbagai elemen yang harus dilaksanakan di KUKTEM. Di antara elemen-elemen yang telah disenaraikan adalah kemahiran kerja berpasukan, komunikasi, kepimpinan, pembelajaran berterusan dan nilai-nilai positif (Lampiran 1). Industri pula telah menyenaraikan pelbagai kemahiran untuk dikuasai oleh graduan bidang kejuruteraan, antaranya adalah kemahiran kepimpinan, kemahiran menggunakan masa dengan efektif, 'problem solving skills', kerja berkumpulan, pemikiran secara kreatif, kritis, inovatif, kemahiran berkomunikasi serta sosialisasi dan lain-lain lagi. Kertas kerja ini akan mengengahkan bagaimana Wataniah akan membantu pelajar kejuruteraan KUKTEM melatih diri mereka samada dari segi mendisiplinkan diri di dalam kehidupan mereka samada di kampus mahupun apabila mereka memasuki alam pekerjaan kelak. Begitu juga dengan elemen kerjasama dan keupayaan pembelajaran yang sangat penting supaya mereka menjadi graduan yang lebih berpotensi kelak.

2. PELAKSANAAN *SOFT SKILLS* DI KUKTEM

Program *Soft Skills* dijalankan secara bersepadu bersama aktiviti di dalam kelas akademik mahupun kegiatan di luar kelas. Para pensyarah di dalam proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) memainkan peranan yang mustahak untuk memastikan kesemua elemen *Soft Skills* dinilai. Antara contoh yang boleh dilaksanakan adalah seperti kemahiran komunikasi yang dapat digarap di dalam kelas Bahasa Inggeris (subjek UHL). Subjek-subjek UHL menekankan kepada elemen kemahiran komunikasi secara pertuturan serta penulisan. Para pelajar akan didedahkan kepada kemahiran *public speaking, report writing, business communication etc* sebagai persiapan untuk menjadi seorang jurutera yang dapat berkomunikasi dengan efektif di dalam pekerjaan kelak. Kelas-kelas UHR seperti TITAS menekankan elemen nilai-nilai positif seperti ketepatan masa, berpakaian kemas, integriti serta lain-lain lagi. Nilai-nilai ini amat penting untuk membimbing pelajar berdisiplin apabila keluar bekerja sebagai ahli organisasi. Namun hakikatnya, kesemua mata pelajaran akademik memainkan peranan yang seimbang untuk menilai kemahiran-kemahiran *Soft Skills* pelajar di KUKTEM. Bagi pelaksanaan di luar kelas, pihak asrama akan menilai pelajar di dalam setiap kegiatan di asrama dan setiap masalah disiplin pelajar akan direkodkan sebagai kesalahan atau 'ketrampilan tidak' (KT) di dalam rekod *Soft Skills*. Begitu juga dengan kesemua kegiatan ko-kurikulum dan kegiatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) yang akan menekankan elemen seperti kerja berpasukan dan kemahiran kepimpinan. Briged Siswa serta Wataniah dilihat sebagai penggerak terbesar untuk menyatu padukan kesemua elemen *Soft Skills* di KUKTEM. Wataniah dapat bergerak secara *stand alone* kerana Wataniah menekankan banyak elemen yang dapat membantu pelajar di dalam masa akan datang mereka. Kesemua kemahiran ini akan dapat menyahut cabaran *Engineering Accreditation Council (EAC)* dan juga *Malaysian Quality Framework (MQF)* yang telah menyenaraikan *Life Long Learning Process* (Pembelajaran Berterusan Sepanjang Hayat) sebagai antara elemen terpenting untuk membantu pelajar menjadi lebih berdiakari apabila mereka mula bekerja nanti.

3. WATANIAH: SEPINTAS LALU

Pasukan Sukarela telah pun wujud di Tanah Melayu sejak tahun 1861 dengan penubuhan pasukan sukarela yang dinamakan *Penang Volunteer*. Pada tahun 1902, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (FMS) yang terdiri daripada Negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang telah menubuhkan unit sukarelanya yang dikenali sebagai 'Malay State Volunteer Rifles' (MSVR). Pasukan sukarelanya terus berkembang dan beberapa pasukan baru telah ditubuhkan dengan gelaran 'Federated Malay States Volunteer Force' (FMSVF), 'Unfederated Malay States Volunteer Force' (UFMSVF) dan 'Straits Settlement Volunteer Force' (SSVF).

Apabila teretusnya Perang Dunia Kedua, semua pasukan sukarela yang wujud telah sama-sama berganding bahu dengan Angkatan Tetap dalam kempen menentang tentera Jepun di Malaya. Selepas Perang dunia Kedua pasukan-pasukan sukarela yang telah wujud telah dihidupkan semula. Apabila teretus darurat di tanah air pada tahun 1948, satu pasukan sukarela iaitu Pasukan Kawalan Kampung (Home Guard) telah ditubuhkan. Pasukan Kawalan Kampung ini telah memainkan peranan penting sepanjang masa darurat tersebut.

Dalam tahun 1958, apabila keadaan keselamatan dalam negeri telah dapat dikawal semula, Pasukan Kawalan Kampung (Home Guard) telah dibubarkan. Memandangkan ramai dari kalangan anggota Pasukan Kawalan Kampung mahu terus menyumbangkan perkhidmatan sukarela mereka, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengambil keputusan untuk menghidupkan serta menyusun pasukan sukarela supaya ia lebih berkesan dan tersusun rapi, sesuai dengan tujuan penubuhan pasukan sukarela tersebut. The Territorial Army Ordinance 1958 telah digubal. Dengan kuasa Ordinan ini pasukan sukarela yang baru, dikenali dengan nama ASKAR WATANIAH telah ditubuhkan pada 1 Jun 1958.

Sebagai pelengkap kepada Angkatan Tetap bagi memastikan paras kekuatan yang diperlukan dipenuhi supaya dapat mempertahankan kepentingan strategik negara di masa darurat atau perang.

Membantu Angkatan Tetap dalam operasi Keselamatan dalam negeri dan dalam hal ini, dimobilisasi dan diatur gerak bila keadaan memerlukan.

Membantu dan bekerja dengan pihak berkuasa awam dalam masa bencana alam dan waktu kecemasan awam lain.

4. WATANIAH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

PALAPES ialah Pasukan Latihan Pegawai Simpanan atau dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai "Reserve Officers Training Unit (ROTU)". Penubuhan PALAPES mula diusahakan oleh Brigedier Jeneral Dato' Abul'As bin Ismail, Pengarah Askar Wataniah dalam tahun 1979. Beliau telah berusaha menemui beberapa orang Naib Canselor universiti-universiti dan juga Pengarah ITM bagi merealisasikan idea penubuhan pasukan ini di IPT di Negara ini. Kerjasama erat dan persetujuan antara IPT, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertahanan telah membuka satu era baru dalam sejarah pertahanan negara. PALAPES memberi peluang kepada para pelajar merasai latihan ketenteraan, memupuk disiplin dan kepimpinan serta membentuk personaliti intelektual yang mempunyai ketahanan mental dan fizikal yang tinggi.

Empat objektif utama penubuhan PALAPES ini ialah untuk membina sahsiah sebagai siswa-siswi yang berilmu dan berdisiplin, melengkapkan lagi latihan dan didikan ilmiah yang terdapat di universiti agar siswa-siswi akan muncul sebagai warganegara yang lebih bersedia dan bertanggungjawab untuk berkhidmat kepada nusa dan bangsa, melatih siswa-siswi melengkapkan diri sebagai barisan lapisan kedua dalam ketahanan rakyat dan negara dan mengeluarkan golongan pegawai simpanan yang berkaliber dan mempunyai kelayakan akademik yang tinggi. Falsafah PALAPES adalah berlandaskan kepada tiga perkara utama iaitu ilmu dan kemahiran, iman dan ketahanan nasional. Pegawai berilmu serta profesional dengan disiplin teguh menjadi tulang belakang ketahanan bangsa dan negara.

Secara rasminya, PALAPES di UKM, UPM, UM dan ITM ditubuhkan pada Februari 1980, PALAPES USM pada Jun 1980, PALAPES UUM pada Mei 1984 dan PALAPES UTM pada April 1990. PALAPES juga telah dilancarkan di UMS pada Nov 1996 dan program yang sama telah dilancarkan di UNIMAS. Pada peringkat awal, PALAPES ditubuhkan bertujuan untuk menampung keperluan pegawai dalam Pasukan Simpanan Tentera Darat. Pada masa kini, terdapat kecenderungan untuk menjadikan PALAPES sebagai satu sumber membekalkan pegawai dalam pelbagai perkhidmatan, samada sebagai pegawai tetap atau pegawai tauliah jangka pendek dalam Angkatan Tentera Malaysia ataupun sebagai pegawai sukarela dalam Pasukan Simpanan Tentera Darat. PALAPES juga merupakan sebahagian dari program pertahanan negara dalam menambahkan kekuatan tentera iaitu untuk mencapai nisbah tiga anggota simpanan bagi setiap anggota tetap menjelang tahun 2020

5. WATANIAH DI KUKTEM

Pasukan Askar Wataniah KUKTEM telah ditubuhkan pada 15 Ogos 2005 dengan anggota yang berjumlah 86 orang. Langkah awal ini diambil sebagai persediaan untuk penubuhan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) KUKTEM yang dijadualkan akan dapat direalisasikan pada 2007 akan datang.

Falsafah Penubuhan Pasukan Wataniah KUKTEM adalah berlandaskan kepada 3 perkara utama iaitu ILMU DAN KEMAHIRAN, IMAN DAN KETAHANAN NASIONAL. Individu dan pemimpin yang berilmu serta profesional dengan disiplin teguh menjadi tulang belakang ketahanan bangsa dan negara

Objektif Penubuhan Pasukan Wataniah KUKTEM:

- a) Membentuk disiplin pelajar-pelajar KUKTEM, di mana pelajar-pelajar akan patuh dan menghormati pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan di antara sesama mereka.
- b) Melatih pelajar-pelajar KUKTEM di dalam aspek kepimpinan, pelaksanaan dan fungsi sesebuah organisasi.
- c) Melahirkan profesional yang bukan sahaja pakar dalam jurusan masing-masing tetapi melahirkan profesional yang mempunyai ketahanan mental dan jasmani yang mantap.
- d) Menyediakan warganegara yang terlatih dalam bidang ketenteraan bagi mengukuhkan pertahanan negara dan ketahanan nasional.

Setiap anggota yang menganggotai Pasukan Wataniah ini berpeluang meningkatkan tahap disiplin serta pembentukan keperibadian yang berhemah tinggi disamping mencorakkan imej sesebuah pusat pengajian tinggi serta dapat memberikan khidmat kepada universiti, masyarakat serta negara apabila diperlukan. Para anggota juga diberi pendedahan dalam aspek ketenteraan seperti pengurusan masa, kepimpinan, taat setia, setia kawan, kerja berpasukan, hormat-menghormati, kegigihan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mempertahankan agama, bangsa dan negara.

Bentuk Latihan yang dijalankan adalah seperti Latihan Kawad, Baca Peta, Menembak, Ilmu Taktik, Ilmu Medan Perang, Jasmani dan Kerohanian. Latihan ini berlaku di dalam dua kaedah iaitu individu dan juga berkumpulan.

Di bawah ialah jadual jenis-jenis latihan yang ditawarkan oleh Pasukan Wataniah di KUKTEM serta elemen *Soft Skills* yang dipelajari dan dihayati oleh para peserta.

Bil	Bentuk Latihan di dalam Wataniah	Aplikasi di dalam Organisasi	Elemen SoftSkill				
			LC	L	C	TW	PV
1	Kawad	Disiplin, Pengurusan Masa, Row Call	/	/		/	/
2	Baca Peta	Pemposisian di dalam pasaran dan industri	/	/	/	/	/
3	Regimental	Prosedur Operasi Standard, I.S.O, Peraturan & Kelaziman	/	/	/	/	/
4	Menembak	Penetapan Sasaran Organisasi, Pencapaian Visi & Misi Organisasi	/			/	/
5	Taktik	Kaedah & Strategi Pendekatan Pelanggan & Staf Dalam, Kaedah Jualan & Pemasaran	/	/	/	/	/
6	Ilmu Medan Perang	Pengumpulan Maklumat Pesaing & Pelanggan, Pengurusan Persaingan Dalam & Luar, Pendekatan untuk Menjadi Peneraju Pasaran & Industri	/	/	/	/	/
7	Jasmani	Rekreasi, Kesihatan Mental & Fizikal, Pengurusan Stress	/	/		/	/
8	Kerohanian	Pengisian Spiritual Individu dan Kumpulan	/				/

Petunjuk:

LC : Learning Capability/ Keupayaan Belajar
L : Leadership / Kepimpinan
C : Communication / Komunikasi
TW : Team Working / Kerja Berkumpulan
PV : Positive Values / Nilai Positif

Seperti yang dijelaskan pada bahagian awal kertas ini, terdapat 5 elemen utama yang dijadikan sebagai penanda aras dalam program *Soft Skills* di KUKTEM, iaitu *Learning Capability*, *Leadership*, *Communication*, *Team Working* dan *Positive Values*. Setiap elemen akan cuba diamal dan ditanam ke dalam setiap diri pelajar secara tidak langsung melalui aktiviti latihan tersebut. Dalam setiap latihan yang dilakukan dalam program Wataniah, didapati semua elemen *Soft Skills* cuba diterapkan secara tidak langsung.

Falsafah Latihan Kawad di dalam program Wataniah ialah membentuk kerjasama dalam pasukan dan keseragaman bertindak. Di dalam setiap latihan kawad, para pelajar akan diasuh untuk patuh dan fokus kepada setiap arahan. Mereka hanya boleh bergerak dan bertindak hanya setelah menerima arahan daripada Ketua Perbarisan. Selain itu, mereka juga mestilah memastikan setiap pergerakan yang dilakukan adalah serentak dan seragam dengan anggota yang lain. Jika keadaan yang sebaliknya berlaku, maka pergerakan ulangan akan dilakukan sehinggalah perbarisan kawad tersebut menjadi sempurna.

Sehubungan itu, elemen kerjasama sangat penting di dalam latihan kawad. Hal ini juga tidak terkecuali bagi sesebuah organisasi. Elemen kerjasama yang utuh dan padu di kalangan anggota sesebuah organisasi akan menentukan kejayaan sesebuah organisasi itu bertindak. Kegagalan anggota bekerjasama di dalam sesuatu pekerjaan akan menyebabkan sesuatu pekerjaan itu akan gagal dilaksanakan.

Daripada perspektif perniagaan dan organisasi, kegagalan anggota bekerjasama memberi kesan yang besar terhadap kelangsungan hidup organisasi tersebut. Kemungkinan organisasi itu akan mengalami kerugian yang besar, malah akan kehilangan peluang perniagaan dengan pihak-pihak lain. Elemen kerjasama juga turut disebutkan di dalam hadith sahih seperti diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud, hubungan antara orang-orang beriman itu seperti sebuah bangunan yang saling kukuh mengukuhkan antara satu sama lain.

Begitu juga dengan nilai kepimpinan yang cuba disemai melalui aktiviti ini. Semua anggota mesti patuh dan setia dengan satu arahan sahaja. Di dalam sesebuah organisasi atau institusi, hanya wujud seorang ketua yang memberi arahan. Di dalam situasi kawad, semua anggota mesti memberikan taat setia serta patuh kepada seorang ketua dalam satu masa iaitu, Ketua Perbarisan. Seseorang anggota itu hanya boleh bertindak jika diarah untuk melakukan pergerakan. Manakala bagi seorang ketua pula, peranan dan tanggungjawabnya sangat besar bagi memastikan organisasi atau institusi yang dipimpinnnya dapat mencapai matlamat yang disasarkan.

Di dalam dunia pekerjaan atau industri, fokus seorang jurutera atau pekerja sangatlah penting bagi memastikan visi, misi serta arahan daripada pihak atasan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Individu tersebut juga tidak boleh mengambil tindakan secara sendirian bagi memnuhi hasrat organisasi. Ini kerana setiap tindakan yang diambil mempunyai kesan dan akibat secara keseluruhan kepada organisasi tersebut.

Bagi Latihan Medan Perang pula, para pelajar akan didedahkan dengan kaedah peperangan terbuka dan peperangan melawan insurgensi. Bagi melaksanakan kedua-dua kaedah tersebut, para anggota akan diajar membaca peta, ilmu taktik perang, muslihat, meramal kekuatan musuh dan tindakan serta merta.

Di dalam persediaan menghadapi peperangan, setiap anggota mestilah mempunyai kekuatan dan kemampuan untuk mempelajari serta mengumpul maklumat dalam masa yang singkat. Semua maklumat yang dikumpul adalah sangat penting bagi memastikan harta benda serta nyawa dapat diselamatkan.

Seorang kakitangan atau seorang jurutera mestilah mempunyai kemampuan mempelajari sesuatu dengan cepat bagi memastikan organisasi atau institusi yang disertainya sentiasa berada dalam posisi yang mendahului organisasi lain atau pesaingnya. Sehubungan itu, kaedah yang digunakan dalam latihan Wataniah akan menjamin seorang jurutera itu sentiasa menyedari kedudukannya di dalam dunia persaingan. Sesebuah organisasi yang ingin bersaing dan menguasai pasaran mestilah mempunyai strategi perniagaan yang efektif bagi menghadapi persaingan yang begitu dinamik. Keadaan ini sama seperti sebuah pasukan atau platun yang akan menghadapi musuh di medan perang. Platun tersebut mestilah mempunyai strategi, taktik serta muslihat yang lebih baik serta efektif daripada musuhnya jika inginkan kemenangan.

Sesebuah organisasi yang ingin berjaya dalam persaingan mestilah mempunyai objektif dan matlamat yang jelas. Ini disertai pula dengan visi dan misi yang mesti dilaksanakan oleh semua anggota organisasi. Kejayaan memenuhi dan mencapai matlamat bergantung kepada fokus dan kaedah atau strategi yang digunapakai oleh organisasi tersebut. Anggota organisasi yang mampu mengekalkan fokus atau daya penumpuannya terhadap matlamat organisasi akan menjamin matlamat organisasi tersebut dapat dicapai serta memastikan organisasi tersebut juga menjadi peneraju pasaran di dalam industri.

Kemahiran atau kualiti ini dapat diterapkan melalui aktiviti menembak di dalam Wataniah. Semasa aktiviti ini dijalankan, seseorang anggota itu mestilah memberi penumpuan yang tidak berbelah bagi terhadap sasaran yang ada di hadapannya dan selanjur dengan bidikan senjata ditangan. Bidikan yang tepat dan mantap akan menentukan sama ada sasaran itu dapat ditembak dengan tepat atau tidak. Di dalam perniagaan, kegagalan menepati atau mencapai matlamat dan objektif yang disasarkan membawa makna kerugian kepada organisasi tersebut dalam bentuk modal kewangan, masa dan modal insan.

Justeru itu, semua bentuk latihan di dalam Pasukan Wataniah mempunyai peranan dan hubungan yang rapat dengan penerapan elemen Soft Skills yang cuba diterapkan oleh pihak KUKTEM.

8. KESIMPULAN

Sebagai persiapan untuk melahirkan graduan minda kelas pertama dan modal insan yang berkualiti, program Wataniah di KUKTEM dilihat sebagai *medium* untuk menarik minat pelajar

mempelajari kemahiran *Soft Skills* secara amalan dan bukan sekadar teori semata-mata. Wataniah juga dapat membantu pelajar mengembangkan ruang pilihan pekerjaan apabila graduan mula berfikir ke arah kerjaya mereka. Wataniah juga banyak membantu pelajar untuk mendisiplinkan diri mereka sekaligus membuka ruang kepada pelajar untuk mengenal potensi diri mereka. KUKTEM harus meneruskan program Wataniah ini sebagai pelengkap kepada pengetahuan ilmiah serta kemahiran teknikal yang bakal pelajar perolehi apabila mereka graduan kelak. Amatlah diharapkan agar bakal graduan melihat kepada betapa pentingnya diri mereka untuk membangunkan diri serta berani untuk menentang segala cabaran untuk menjadi pemimpin yang membantu kepada keharmonian dan kesejahteraan Malaysia.

Rujukan:

1. Abdullah, A.B. (2002). *Graduan diminta tingkat kemahiran*. Berita Harian. Dimuat turun dari <http://www.mohr.gov.my/mygoveg/extras/isuyulyaug02.htm>
2. Aini Ahmad, Anita Abdul Rani, Haslinda Hashim dan Muhammad Nubli Abd Wahab, *Program Soft Skills Dan Klinik Soft Skills: Konsep Dan Kaedah Pelaksanaan Ke Arah Membentuk Sikap Graduan Berdaya Saing* (Kertas Prosiding dibentangkan di Seminar Sains, Teknologi dan Sains Sosial anjuran UITM di Kuantan, Mei 2006)
3. Fatmawati, L., Norrihan, S., Muhammad Nubli, A.W., Mansor, S. & Mohd Azam, M.A. (2005). *Moulding Soft Skills Module for KUKTEM*. Penerbit KUKTEM: Kuantan.
4. Haslinda Hashim, Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Zarina Mohd Ali, *Pembangunan Sahsiah Bersepadu, Konsep dan Pelaksanaannya di Kolej Kejuruteraan Universiti*. (Kertas Prosiding dibentangkan di Seminar Kursus Sokongan anjuran KUKUM di Langkawi, Nov 2006)
5. Haslinda Hashim, Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Zarina Mohd Ali, *Konsep Dan Pelaksanaan Soft Skills Di Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)* (Kertas Prosiding dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pengajian Umum anjuran UTM di JB, Jun 2006)
4. Mahaleel. T. (2002). Seminar Industri IPTA, *Qualities for Graduate Students Required For Work in The Private Sector*. 6 – 7 Ogos 2002, Kuala Lumpur.
5. *Titah Ucapan DYMM Tuanku Raja Perlis Di Majlis Pelancaran PALAPES, PBSMM dan PBK KUKUM, 3 Mac 2005* dimuat turun (6 Mei 2006) dari http://portal.kukum.edu.my/pls/portal30/docs/FOLDER/FP_CHANCELLOR/TITAH+UCAPAN+TUANKU++_PINDAAN.PDF.
6. *Buletin P&P*. Edisi Jun 2004, UTM Skudai
7. *Terap budaya INTAN di IPT*. Utusan Malaysia, (13 Februari 2005, ms 9)
8. Falsafah Pendidikan Negara
9. *Laporan Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakuan Tentang Perkembangan dan Halatuju Pendidikan Tinggi Malaysia*, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, (18 Julai 2005)
10. *Minda Lestari: Strategi capai piawaian minda kelas pertama Bersama Prof Zaini Ujang* dimuat turun (6 Mei 2006) dari http://web.utm.my/ipasa/index2.php?option=content&do_pdf=1&id=355.